

Publication : Utusan Malaysia, Ekonomi
Title : DVM Technology Exports Genico Telephone
Date : 15 December 2005, Thursday
Page/URL : pg 23

UTUSAN MALAYSIA KHAMIS 15 DISEMBER,, 2005

DVM Technology eksport telefon Genico

KUALA LUMPUR 14 Dis. — DVM Technology Bhd. berca- dang untuk mengeksport pro- duk barunya, rumusan telefon jalur lebar Genico ke Brunei, Singapura, Norway, Thailand dan Pakistan ta- hun depan, kata Pengarah Ekseku- tifnya, Chen Chee Peng.

Beliau berkata, syarikat itu yang mempunyai empat anak syarikat dengan aktiviti-aktiviti dalam bida- ng integrasi sistem, perkhidmatan penyumberan luar, penyelidikan

dan pembangunan perisian serta rumusan teknologi, telah melabur RM7 juta untuk penyelidikan dan pembangunan produk dalam tahun 2002 bagi memenuhi syarat indus- tri telekomunikasi antarabangsa.

Chen berkata, syarikat juga ber- hasrat memasarkan Genico ke pa- saran lain seperti Australia, China, Filipina, Vietnam, Arab Saudi dan Hong Kong dalam tahun 2007.

“Kami mempunyai tapak di se- mua negara, terlibat dalam syari-

kat-syarikat telekomunikasi de- ngan memahami kebimbangan me- reka serta mendapatkan maklum balas mereka.

“Kami telah melaksanakan pro- mosi untuk jenama dan rumusan kami sejak dua tahun lepas di ne- gara-negara berkenaan,” kata beliau kepada pemberita selepas melan- carkan rumusan telefon jalur lebar Genico di sini hari ini.

Beliau berkata, syarikat yakin berjaya menembusi pasaran di ne- gara-negara itu. — Bernama